

TARIKH	RABU, 7 JUN 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PARAS CO2 DI ATMOSFERA MENINGKAT
M/S	28
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	CO2

28
Dunia
Rabu, 7 Jun 2023 **BH**

Paras CO2 di atmosfera meningkat

Karbon dioksida capai 424ppm, 50 peratus lebih tinggi daripada tahap pra-industri

Washington: Paras karbon dioksida (CO2) yang diukur di atas gunung berapi Hawaii mencapai paras lebih 50 peratus lebih tinggi daripada permulaan era perindustrian, lapor saintis Amerika Syarikat (AS).

CO2 di Balai Cerap Baseline Atmosfera Mauna Loa mencapai 424 bahagian per juta (ppm) pada Mei, meningkat 3ppm daripada tahun sebelumnya dan meneruskan peningkatan ke julat dari era jutaan tahun lalu, menurut Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Kebangsaan (NOAA) AS dan Institut Scripps Oseanografi (Scripps).

Pengukuran purata NOAA adalah pada 424.0ppm. Scripps, yang mengekalkan rekod bebas, menunjukkan purata pada Mei 423.78ppm, juga peningkatan 3.0ppm daripada tahun sebelumnya. Pengukuran diambil pada Mei kerana ia adalah bulan apabila CO2 memuncak di Hemisfera Utara.

Hasil aktiviti manusia

Pos luar di Mauna Loa mengukur CO2 atmosfera sejak 1958, apabila parasnya kurang daripada 320ppm dan menunjukkan peningkatan stabil sejak itu yang disifatkan Pentadbir NOAA, Rick Spinrad sebagai hasil langsung daripada aktiviti manusia.

Aliran menaik dikenali sebagai 'Keeling Curve' kerana cara peningkatan digambarkan dalam grafik dan dinamakan sempena David Keeling, yang memulakan langkah untuk Scripps pada 1958. NOAA mula bekerjasama dengan Scripps pada 1974.

Program Scripps kini dikendalikan oleh anak lelaki Keeling, ahli geokimia Ralph Keeling.

"Apa yang kami ingin lihat ialah lengkungnya mendatar, malah jatuh kerana karbon dioksida setinggi 420 atau 425ppm adalah tidak baik," kata Keeling dalam kenyataan NOAA.

"Ia menunjukkan sebanyak mana yang kita lakukan untuk mengatasi dan mengurangkan pelepasan, kita masih mempunyai perjalanan yang panjang."

Pengukuran tahun ini diambil dari tapak sementara kerana aliran lava memotong akses ke balai cerap Mauna Loa pada November 2022, kata NOAA. **REUTERS**

DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--